

06 APR 1996

DAFTAR JIKA MAHU BERTANDING JAWATAN UMNO

KUALA LUMPUR, 6 April (Bernama) -- Semua ahli UMNO yang ingin bertanding apa-apa jawatan parti Oktober depan dikehendaki mendaftar dengan ibu pejabat parti di sini.

Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata mereka diberi tempoh satu bulan untuk mendaftar mulai Isnin ini dan mereka hanya boleh menjalankan kempen mulai Julai.

Mereka yang tidak mendaftar tidak dibenarkan bertanding, katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Mereka yang berkempen sebelum Julai akan dikenakan tindakan, katanya.

Pemimpin UMNO atau mereka yang ingin bertanding untuk jawatan tidak dibenarkan melawat ke mana-mana bahagian kecuali bahagian sendiri sebelum Julai.

Pendaftaran calon adalah yang pertama diperkenalkan oleh UMNO sebagai langkah mengelak menyalahgunakan kempen untuk kepentingan peribadi di samping memastikan kempen berjalan dengan baik. -- BERNAMA.

ARA AZZ OBA.